

17/06/2003

KL sokong dagangan dalam pelbagai mata wang

MALAYSIA sentiasa mahu melihat dagangan dilaksanakan dengan mata wang yang

lebih pelbagai, kata Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengkaji semula sebut harga minyak yang kini dibuat

dalam dolar Amerika.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan membuat saranan itu berikutan

penurunan dolar Amerika berbanding euro sejak akhir-akhir ini.

Dr Mahathir berkata, pengeluaran minyak perlu dilindungi daripada keadaan

tidak menentu pasaran mata wang, terutama daya tahannya terhadap manipulasi daripada pedagang mata wang.

Di pasaran mata wang semalam, euro disebut harga pada 1.18 berbanding dolar Amerika. Minyak mentah disebut harga dalam dolar Amerika di semua pasaran minyak utama.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi, dalam sidang akhbar selepas perasmian persidangan itu memberitahu, Petronas sedar mengenai cadangan Dr Mahathir.

"Petronas akan memutuskan apa yang terbaik. Sudah tentu ada alasan konkrit dalam cadangan itu," katanya, ketika ditanya jika Petronas akan menyebut harga dalam euro bagi urusan niaga minyak.

Ditanya jika cadangan Dr Mahathir itu akan mengecewakan Amerika Syarikat, Abdullah berkata, tiada sebab untuk keadaan itu terjadi kerana cadangan itu bukannya mendesak penghapusan penggunaan dolar Amerika.